



**TAWARAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG
TAHUN 2007**

KELOLAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
IKLAN	2
KETERANGAN	3
PANDUAN PERMOHONAN	6
SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	8



BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2007 KELOLAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

1. Permohonan adalah dipelawa daripada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2007 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran di dalam dan luar negara di dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi dan Undang-undang.
2. **Keterangan** mengenai Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong, **syarat-syarat permohonan** dan **panduan permohonan** boleh diperolehi dengan melayari portal www.jpa.gov.my atau <http://esila.jpa.gov.my> mulai tarikh iklan ini disiarkan.
3. **Borang permohonan** boleh dimuat turun melalui portal www.jpa.gov.my atau <http://esila.jpa.gov.my> mulai **13 Julai 2007**.
4. Tarikh tutup permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2007 adalah pada **3 Ogos 2007**.
5. Pertanyaan mengenai Biasiswa Yang di-Pertuan Agong boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853419 (10 talian) pada setiap hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau e-mail di alamat esila@jpa.gov.my.

Iklan ini dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



KETERANGAN

BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2007 KELOLAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong ini adalah bagi mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang pelajar, di samping memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi dan Undang-undang. Kelebihan biasiswa ini adalah dari segi kadar biasiswa yang ditawarkan, syarat-syarat kelayakan dan penempatan di universiti-universiti yang terkemuka.

Bilangan Biasiswa yang disediakan adalah sehingga duabelas (12) biasiswa iaitu sehingga enam (6) biasiswa untuk peringkat Sarjana dan enam (6) biasiswa untuk peringkat Kedoktoran setiap tahun.

Kriteria utama yang digunakan bagi pemilihan calon-calon untuk mendapatkan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong ini adalah berdasarkan kepada kecemerlangan akademik yang dimiliki oleh calon-calon. Di samping itu kriteria-kriteria berikut juga diambil kira di dalam pemilihan:

- i. Penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau hasil kerja kreatif dan inovatif; dan
- ii. Prestasi semasa temuduga

Syarat kelayakan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 30 tahun pada tahun memulakan pengajian;
- iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan / Sarjana dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya;
- iv. Aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif;
- v. Mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa; dan
- vi. Mendapat tempat pengajian di institusi pengajian tinggi awam tempatan atau di universiti terkemuka dunia (Ivy League) atau mana-mana universiti berprestij lain yang dipersetujui JPA.

Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong yang telah menamatkan pengajian diwajibkan pulang ke negara ini tetapi tidak terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Bagi memastikan syarat tersebut dipatuhi, calon yang terpilih dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan. Walau bagaimanapun, jika pelajar-pelajar cemerlang yang terpilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tajaan JPA di peringkat Ijazah Sarjana Muda, mereka masih terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di bawah penajaan peringkat Sarjana Muda dan kadar gantirugi seperti yang berkuatkuasa pada masa sekarang akan dikenakan sekiranya pelajar melanggar syarat perjanjian.

Kadar biasiswa di luar negara bagi program ini adalah berbeza mengikut negara dan contoh kadar biasiswa adalah seperti berikut :

Negara	Kadar Biasiswa
Amerika Syarikat	USD 1224 sebulan
United Kingdom	£ 825 sebulan
Australia	AUS 1,380 sebulan
New Zealand	NZD 1,449 sebulan

Kadar biasiswa dalam negara pula ialah sebanyak RM1,760.00 sebulan untuk peringkat Sarjana dan RM 2,500 sebulan untuk peringkat Kedoktoran.



PANDUAN PERMOHONAN

BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2007 KELOLAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

1. Borang Permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2007 hendaklah dimuat turun, dicetak dan dihantar melalui pos ke alamat seperti yang ditetapkan.
2. Pemohon boleh mengemukakan permohonan mulai **13 Julai 2007** sehingga tarikh tutup permohonan iaitu pada **3 Ogos 2007**.
3. Pemohon hanya dibenarkan menghantar **satu (1)** permohonan sahaja.
4. Pemohon dikehendaki untuk menghantar salinan dokumen/sijil-sijil yang telah diakui sah semasa mengemukakan permohonan. Dokumen/sijil-sijil asal perlu dibawa semasa menghadiri temuduga.
5. Semua permohonan akan diproses selepas tarikh tutup permohonan. **Hanya pemohon yang telah disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga.**
6. Bagi pemohon yang terdiri dari kakitangan perkhidmatan awam, pemohon hendaklah juga mengisi borang [JPA\(L\)LDP 1B/96 \(Pin.1/2003\)](#) dengan menyertakan surat dari Ketua Jabatan yang mengesahkan markah LNPT bagi 3 tahun iaitu tahun 2004, 2005 dan 2006.

7. Semua pemohon perlu memastikan ibubapa pemohon tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA dan tidak melanggar perjanjian dengan pihak Kerajaan. Sekiranya ini berlaku, pemohon tidak akan ditawarkan biasiswa.
8. Pemohon hendaklah **belum memulakan pengajian** semasa iklan ini dikeluarkan.
9. Tiada sebarang rayuan yang diproses oleh Jabatan ini sekiranya pemohon gagal untuk disenarai pendekkan.

PERINGATAN PENTING

1. Sebarang pertanyaan mengenai **permohonan Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong** boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Latihan, JPA di talian 03-88853419 (10 talian) pada setiap hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau e-mail di alamat esila@jpa.gov.my.
2. Tarikh tutup permohonan ialah pada **3 Ogos 2007**.
3. Pemohon boleh menyemak keputusan panggilan temuduga pada **10 Ogos 2007** melalui laman web JPA. Bagi pemohon yang berjaya dipanggil temuduga, surat panggilan temuduga akan dikeluarkan secara dalam talian (*on-line*) melalui laman web JPA dan pemohon hendaklah mencetak surat panggilan temuduga tersebut untuk dibawa semasa menghadiri temuduga.



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2007 KELOLAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Permohonan adalah dipelawa daripada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mendapatkan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2007 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran di dalam dan luar negara.

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

Syarat-Syarat Umum Permohonan Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2007

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Umur tidak melebihi 30 tahun pada tahun memulakan pengajian di universiti.

Syarat-Syarat Khusus Pengajian Di peringkat Sarjana / Kedoktoran

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan / Sarjana dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya.
- b) Aktif dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif.
- c) Keistimewaan akan diberikan kepada pemohon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa.

- d) Calon-calun perlu mendapatkan tempat pengajian di dalam bidang-bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi dan Undang-undang di institusi pengajian tinggi awam tempatan atau di universiti terkemuka dunia (*Ivy League*) atau mana-mana universiti berprestij lain yang dipersetujui oleh JPA.

TAMAT